



SIARAN AKHBAR

BIRO KREDIT MEMPERKENALKAN DATA UTILITI KE DALAM LAPORAN KREDIT

-
1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) melalui Biro Kredit ingin memaklumkan bahawa bermula dari bulan Februari 2016, data utiliti pengguna akan dimasukkan dalam laporan kredit peribadi pengguna berkenaan sebagai maklumat tambahan kepada data perbankan yang sedia ada di dalam laporan berkenaan.
 2. Data utiliti ini berfungsi sebagai maklumat nilai tambah bagi kegunaan ahli-ahli Biro Kredit, yang terdiri daripada kesemua bank, syarikat kewangan, dan juga Tabung Amanah Islam, yang berlesen di Negara Brunei Darussalam. Pengenalan data utiliti ke dalam laporan kredit ini akan memberi kesan positif kepada institusi-institusi kewangan dan orang ramai dari segi akses kepada kredit.
 3. Dari perspektif institusi kewangan, maklumat tambahan ini akan meningkatkan lagi pengurusan risiko kredit masing-masing dengan memberi satu lagi dimensi dalam menilai pendedahan kredit atau “credit exposure” dan “credit-worthiness” pelanggan-pelanggan mereka. Ianya juga dapat membantu mengurangkan risiko “non-performing loans”.
 4. Dari perspektif orang ramai pula, ianya akan mendorong mereka dalam menguruskan obligasi kewangan masing-masing secara menyeluruh, dengan memastikan pembayaran pinjaman dan pembayaran bil dibuat tepat pada masanya.
 5. Pada bulan September 2014, Biro Kredit AMBD telah melancarkan perkhidmatan *Self-Inquiry & Dispute Resolution* bagi tujuan membolehkan individu atau entiti perniagaan membuat pengesahan ke atas maklumat-maklumat yang dilaporkan oleh institusi-institusi kewangan. Laporan Kredit peribadi yang dikenali sebagai *Self-Inquiry Report*, memaparkan maklumat-maklumat mengenai kemudahan kredit masing-masing, seperti perkhidmatan *overdraft*, kad kredit dan pembiayaan kenderaan, yang diberikan oleh mana-mana institusi kewangan.
 6. Individu-individu dan entiti-entiti perniagaan juga digalakkan untuk menyemak laporan kredit masing-masing dengan kerap dalam memantau pendedahan kredit mereka dengan mudah agar mereka dapat membina reputasi kredit serta hubungan perniagaan dengan institusi kewangan dengan lebih baik.

7. Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Biro Kredit, AMBD di birokredit@ambd.gov.bn atau mengunjungi Pejabat Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit di Unit 1, Tingkat Bawah, Dar Takaful IBB Utama, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS2871, Negara Brunei Darussalam.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 25 Rabiulakhir 1437H/ 5 Februari 2016M

Rujukan: AMBD/COMMS/3/2016